

KONTRAK PEMAJU GAGAL LAKSANA PROJEK AKAN DIBATAL

LANGKAWI, 18 Jan (Bernama) -- Kontrak para pemaju yang gagal melaksanakan projek yang diluluskan kerajaan di Langkawi dalam masa enam bulan akan dibatalkan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, kerajaan mahu pembangunan pulau itu mengikut jadual dan mereka yang diberi kelulusan melaksanakannya haruslah menjalankannya dengan segera.

Datuk Seri Dr Mahathir memberitahu para pemberita di lapangan terbang di sini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur bahawa beliau mendengar taklimat oleh sektor swasta dan agensi kerajaan mengenai pembangunan Langkawi semalam.

Katanya, antara penerangan yang diberi ialah p'embangunan semula pekan Kuah, projek memidahkan hospital Langkawi, pembinaan rumah-rumah kedai dan hotel dengan kaedah sistem pasang siap dan pembinaan kompleks sukan yang modern.

Katanya, hospital yang ada sekarang 'dibina sebelum Perang Dunia Kedua dalam kawasan pekan yang kini tidak sesuai lagi..

Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) Haji Abdul Halil Mutalib, berkata daripada 52 projek yang diluluskan, lebih 30 projek belum dilaksanakan. lagi.

Katanya, para pemaju yang gagal melaksanakan projek mereka selepas enam bulan terpaksa menghantar permohonan baru kepada LADA jika mereka mahu meneruskannya.

Kebanyakan projek yang tergendala itu ialah pembinaan hotel dan rumah-rumah kedai. --Bernama.